



BANTUAN KHAS KEPADA SUKARELAWAN PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH (*HOME HELP SERVICES*) YANG TERKESAN SECARA LANGSUNG DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Apakah tujuan Bantuan Khas kepada Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)?

Tujuan Bantuan Khas ini adalah sebagai satu insentif kepada sukarelawan yang komited membantu pelanggan dalam kalangan **warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Program Khidmat Bantu Di Rumah ‘Home Help Services’** yang memerlukan perkhidmatan sokongan sosial semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. Apakah Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) ‘*Home Help Services*’?

Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) atau ‘Home Help Services’ adalah Program Pendampingan Sosial (*outreach programme*) kepada kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Program ini dilaksanakan oleh Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) kepada warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian

atau berkeluarga di rumah. Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) akan mengadakan lawatan ke rumah untuk memberikan perkhidmatan sokongan, sekurang-kurangnya sejam sekali lawatan dengan kekerapan sekali lawatan dalam seminggu. Program ini dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

3. Apakah kriteria pertimbangan pemberian Bantuan Khas kepada Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)?

Kriteria pertimbangan pemberian Bantuan Khas kepada Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) adalah:

- i. Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) hendaklah **berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**; dan
 - ii. Sukarelawan ini menjalankan tugas **menyelaras, melaksana serta memantau pelaksanaan Program Khidmat Bantu Di Rumah** (*Home Help Services*)
4. Berapakah kadar bayaran Bantuan Khas yang layak diperolehi oleh Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)?

Kadar Bantuan Khas kepada Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) adalah sebanyak **RM300.00 seorang** yang diberikan secara *one off*.

5. Adakah sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) perlu memohon Bantuan Khas ini?

Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) **TIDAK PERLU** membuat permohonan kerana pemberian bantuan khas adalah berdasarkan kepada senarai Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

6. Bagaimanakah Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) menerima peruntukan bantuan khas ini?

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menyalurkan bantuan khas ini ke dalam akaun bank atas nama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang mengendalikan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) '*Home Help Services*'. Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) ini akan membuat bayaran kepada semua Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*).

7. Bagaimanakah semakan kelayakan Bantuan Khas ini boleh dibuat oleh Sukarelawan program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) dibuat?

Sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) boleh menghubungi Bilik Gerakan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di talian 03-83231996 atau Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian Kasih 019-2615999.

8. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat pertanyaan berhubung perkara ini?

Pertanyaan berhubung perkara ini boleh dibuat dengan menghubungi pegawai berikut :

Bil	Nama Pegawai	Jawatan	No Telefon/emel
1	En.Samsul Bahari Bin Mohd Nor	Ketua Penolong Pengarah	03-83232378 samsulbahari@jkm.gov.my

atau

Menghubungi Bilik Gerakan JKM di talian 03-8323 1996; atau

Talian Kasih 15999 / Whatsapp Talian Kasih 019-2615999

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
7 Jun 2020